

Mengenai Combi, Mohd Khuzzan berkata, pihaknya akan turut melibatkan pasukan sukarelawan berkenaan dan menyasarkan seramai 10,000 orang menyertainya pada tahun depan bagi menghapus pembiakan aedes.

Beliau berkata, pasukan sukarelawan tersebut perlu digerakkan kerana kes denggi di negeri ini semakin membimbangkan dengan peningkatan mendadak sebanyak 104.4 peratus kepada 8,588 kes sehingga minggu ke-39 tahun ini berbanding 4,210 kes sepanjang tahun lepas.

"Kadar kematian bagi kes denggi juga meningkat kepada 23 orang tahun ini berbanding tahun lepas seramai 13 orang dan sebab itulah kita perlu menggerakkan program atau aktiviti kesedaran bahaya denggi ini.

"Kita melalui Combi ini akan merangka satu program dengan permulaannya kita akan kenal pasti permasalahan berkaitan, seterusnya langkah untuk mengatasi kes denggi dapat digerakkan," katanya. - BERNAMA